

PRASANGKA DAN DISKRIMINASI (Part 7)

Izwyn Binti Zulkapri, Khalifah Mastura Binti Hassan & Nurul Sa'adah Binti Sabdin

JANTINA

Diskriminasi jantina didefinisikan sebagai individu diberi layanan yang tidak adil kerana jantina mereka (Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas). Misalnya, seorang wanita menerima gaji yang lebih rendah berbanding rakan lelaki sejawatnya, walaupun sumbangan mereka adalah sama. Prasangka dan diskriminasi merupakan faktor semula jadi manusia baik dalam adat, budaya dan sistem kehidupan. Ribuan tahun tamadun manusia cuba mengatasi masalah ini namun masih gagal walaupun agama, terutama agama Islam tidak membenarkan prasangka dan diskriminasi dilakukan di antara jantina. Namun, manusia itu tetap dinamakan manusia yang tidak bijak menggunakan akal anugerah tertinggi kepada mereka.

Prasangka dan diskriminasi jantina ini beroperasi dengan cara yang sama dengan perkauman tetapi, dalam kes ini ia melibatkan jantina atau identiti fizikal seseorang sama ada lelaki atau perempuan.

Piagam Perikatan Bangsa-Bangsa berkeyakinan martabat persamaan hak antara lelaki dan perempuan, hak-hak asasi manusia, dan nilai peribadi manusia. serta menegaskan asas mengenai diskriminasi dan menyatakan bahawa semua manusia dilahirkan bebas dan setiap orang berhak atas semua hak dan kebebasan yang dimuat di dalamnya, tanpa perbezaan apa pun, termasuk perbezaan berdasarkan jenis jantina serta ia menjamin hak yang sama antara lelaki dan perempuan untuk menikmati semua hak ekonomi, sosial, budaya, dan politik.

Isu jantina yang menjadi landasan perjuangan gerakan feminisme di Malaysia dapat diatasi sekali gus sekiranya isu asas yang mencengkam masyarakat seperti kemiskinan, kemunduran, pemodenan, keadilan sosial, dan pergeseran kelas sudah dapat ditangani dengan baik. Namun, ada pihak yang berpendapat bahawa langkah menangani isu jantina perlu diberi keutamaan untuk membanteras kemiskinan, kemunduran, merintiskan pemodenan, meluaskan keadilan sosial, dan mengurangkan pergeseran kelas yang diwarisi oleh masyarakat membangun.

Dasar jantina diluaskan dalam pelbagai bidang meliputi politik, kepimpinan, pekerjaan, profesionalisme, pendidikan, kurikulum pengajian jantina, dan sebagainya. Gerakan feminisme dapat dikira sebagai persaingan wanita dengan lelaki. Eksploitasi wanita dari segi imej, status, moral, seks, dan biologikal, khususnya melalui iklan perdagangan, mendorong perjuangan feminisme untuk menghapuskan sebarang bentuk eksploitasi, diskriminasi, prejudis, stereotaip, berat sebelah, dan melemahkan semangat yang berlaku dengan meluas terhadap wanita. Dari satu segi, terdapat kesedaran dan kesungguhan untuk mengangkat dan membina status, imej, dan moral.

Di Malaysia, penglibatan wanita-wanita di dalam bidang pekerjaan, walaupun masih rendah, telah meningkat daripada 44.7 peratus pada tahun 1995 kepada 47.3 peratus pada tahun 2004. Semakin ramai wanita-wanita kini yang terlibat di dalam sektor pekerjaan, peningkatan yang amat ketara apabila sektor perindustrian berada di tahap yang tertinggi pada tahun 1980-an.